Langkah 3 (5 minit)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru mengumpul lembaran kerja. 2. Guru memuji kumpulan yang telah melaksanakan aktiviti kumpulan dengan baik di mana murid yang pandai rajin mengajar murid yang kurang pandai dan murid yang kurang pandai rajin belajar dari murid yang pandai supaya sama-sama dapat menyelesaikan soalan yang diberikan oleh guru. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Ketua kumpulan menghantar lembaran kerja. 2. Murid-murid mendengar nasihat guru. 	
Langkah 4 Kuiz (7 minit)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru mengarahkan murid-murid duduk ke tempat asal mereka. 2. Guru mengagihkan soalan kuiz. 3. Guru memberitahu murid-murid bahawa kumpulan yang mendapat markah tertinggi iaitu semua markah ahli dalam kumpulan terkumpul akan mendapat hadiah pada keesokan hari. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid kembali ke tempat duduk asal mereka. 2. Murid-murid menjawab soalan kuiz yang diberikan oleh guru. 	
Langkah 5 Penutup	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru merefleksikan kemahiran yang diajar pada 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid mendengar penjelasan guru. 	

(3 minit)	hari ini. 2. Guru menerapkan nilai moral yang perlu ada dalam kehidupan seharian sebagaimana yang diamalkan dalam pdp tadi.	2. Murid menjawab soalan guru.	
-----------	--	--------------------------------	--



UUM
Universiti Utara Malaysia

Nama: _____

Soalan lembaran kerja:

1. Cari nilai pecahan yang berikut:

a) $\frac{1}{2}$ daripada 18 =

b) $1\frac{2}{7}$ daripada 21 =

c) $2\frac{3}{8} \times 56 =$

2. Sebuah kelas ada 36 orang murid. $\frac{1}{6}$ daripada murid itu suka minum kopi dan selebihnya suka minum susu. Kira bilangan murid yang suka minum susu.

3. Foo ada 150 biji guli. $\frac{3}{5}$ daripada guli itu berwarna biru dan bakinya berwarna merah. Berapakah bilangan guli berwarna merah?

Soalan Kuiz:


Nama: _____

1. $\frac{3}{4}$ daripada 20 = _____ (2%)

2. $\frac{1}{5}$ daripada 10 = _____ (2%)

3. $2\frac{2}{3}$ x RM4500 = _____ (2%)

4. $\frac{5}{6}$ daripada 18 = _____ (2%)



5. Sebanyak $\frac{3}{7}$ daripada 28 biji durian telah dijual. Kira bilangan durian yang tidak dijual.
(3 markah)

6. Harga sebuah televisyen ialah RM2550. Lim telah membayar $\frac{9}{10}$ daripada harga televisyen itu.
Hitung harga televisyen yang belum dibayar olehnya. (3 markah)

(/ 14)

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN MATEMATIK (9)
KUMPULAN KAWALAN

Tarikh	:	
Masa	:	60 minit
Kelas	:	5 Berdikari
Bil. Murid	:	35 orang
Bidang Pembelajaran	:	Pecahan
Tajuk	:	Pecahan daripada suatu kuantiti
Standard Kandungan	:	Murid dibimbing untuk: (i) Menentukan nilai bagi pecahan wajar dan nombor bercampur daripada sesuatu kuantiti.
Pengetahuan Sedia Ada	:	Murid sudah dapat menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan penambahan dan penolakan pecahan.
Objektif Eksplisit	:	Pada akhir pembelajaran, murid dapat: (i) Menentukan nilai bagi pecahan wajar dan nombor bercampur daripada sesuatu kuantiti.
Kemahiran Berfikir	:	Menyelesaikan masalah
Nilai Moral	:	Kerjasama
Bahan Bantu Mengajar	:	Kad imbasan, lembaran kerja

Prosedur	Aktiviti Guru	Aktiviti Murid	Catatan
Set Induksi (5 minit)	<p>Guru mengulang kaji konsep penambahan dan penolakan dalam pecahan.</p> <ol style="list-style-type: none"> Guru menanya kepada murid: Dalam penambahan dan penolakan dalam pecahan, apa perlu buat jika penyebutnya berlainan nombor? Guru menulis satu contoh soalan iaitu: $4\frac{1}{6} - \frac{1}{12}$, guru meminta murid menyelesaikan bersama-sama dengan guru. Guru menulis langkah demi langkah untuk mendapatkan jawapan. 	<ol style="list-style-type: none"> Murid-murid menjawab: Samakan penyebut, kemudian barulah jumlahkan dan tolakan penyangkanya. Murid-murid memberitahu langkah demi langkah kepada guru untuk mendapatkan jawapan. <ol style="list-style-type: none"> Tukarkan penyebut menjadi sama iaitu 12. $4\frac{2}{12} - \frac{1}{12}$ $= 4\frac{1}{12}$ 	
Langkah 1 (20 minit)	<ol style="list-style-type: none"> Guru mendedahkan kepada murid-murid tentang pecahan daripada suatu kuantiti ialah (pendaraban). Tegaskan kepada murid-murid bahawa perkataan daripada bermaksud darab. Guru melekatkan contoh soalan di papan hitam. Soalan: Saya ada 10 biji jambu, saya akan beri $\frac{1}{5}$ daripada buah jambu ini kepada Aiman. Berapa biji 	<ol style="list-style-type: none"> Murid-murid mendengar dengan teliti penjelasan guru. Murid-murid menjawab soalan apabila ditanya oleh guru. Murid-murid mendengar dan memerhatikan dengan teliti cara penyelesaian untuk mendapatkan jawapan. Murid menanya soalan jika ada kemusykilan. 	

	<p>jambukah yang Aiman dapat?</p> <p>Penjelasannya:</p> $\frac{1}{5} \text{ daripada } 10 \text{ biji}$ $= \frac{1}{5} \times 10 \text{ biji}$ $= \frac{10}{5} \text{ biji}$ $= 2 \text{ biji}$ <p>3. Guru menerangkan kemahiran ini dengan menunjukkan contoh yang lain.</p> <p>Contoh: Jumlah koleksi setem Lidya ialah 20 keping.</p> $\frac{1}{4} \text{ daripada setem itu ialah}$ <p>setem Malaysia. Bakinya $\frac{3}{4}$ ialah setem luar negara.</p> <p>Berapakah bilangan koleksi setem luar negara?</p> <p>Guru menerangkan langkah demi langkah cara penyelesaian untuk mendapatkan jawapan.</p>		
--	---	--	--

<p>Langkah Perkembangan (15 minit)</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru mengagihkan lembaran kerja kepada setiap murid dalam kelas. 2. Guru memberi arahan kepada murid-murid. <ul style="list-style-type: none"> ➤ Jika terdapat kemusykilan boleh menanya guru. ➤ Jangan meniru jawapan kawan. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid membuat lembaran kerja yang diberikan oleh guru. 2. Murid yang ada kemusykilan akan menanya guru dan meminta guru membimbingnya untuk menjawab soalan. 	
<p>Langkah 3 (5 minit)</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru mengumpul lembaran kerja. 2. Guru memuji murid yang telah melaksanakan aktiviti dengan baik dan dapat menyelesaikan soalan yang diberikan oleh guru. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Ketua kumpulan menghantar lembaran kerja. 2. Murid-murid mendengar nasihat guru. 	
<p>Langkah 4 Kuiz (10 minit)</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru mengagihkan soalan kuiz. 2. Guru memberitahu murid-murid bahawa murid yang mendapat markah tertinggi akan mendapat hadiah pada keesokan hari. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid-murid menjawab soalan kuiz yang diberikan oleh guru. 	
<p>Langkah 5 Penutup (5 minit)</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru merefleksikan kemahiran yang diajar pada hari ini. 2. Guru menerapkan nilai moral yang perlu ada dalam kehidupan seharian 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid mendengar penjelasan guru. 2. Murid menjawab soalan guru. 	

	sebagaimana yang diamalkan dalam pdp tadi.		
--	--	--	--



UUM
Universiti Utara Malaysia

Nama: _____

Soalan lembaran kerja:

1. Cari nilai pecahan yang berikut:

a) $\frac{1}{2}$ daripada 18 =

b) $1\frac{2}{7}$ daripada 21 =

c) $2\frac{3}{8} \times 56 =$

2. Sebuah kelas ada 36 orang murid. $\frac{1}{6}$ daripada murid itu suka minum kopi dan selebihnya suka minum susu. Kira bilangan murid yang suka minum susu.

3. Foo ada 150 biji guli. $\frac{3}{5}$ daripada guli itu berwarna biru dan bakinya berwarna merah. Berapakah bilangan guli berwarna merah?

Soalan Kuiz:


Nama: _____

1. $\frac{3}{4}$ daripada 20 = _____ (2%)

2. $\frac{1}{5}$ daripada 10 = _____ (2%)

3. $2\frac{2}{3}$ x RM4500 = _____ (2%)

4. $\frac{5}{6}$ daripada 18 = _____ (2%)



5. Sebanyak $\frac{3}{7}$ daripada 28 biji durian telah dijual. Kira bilangan durian yang tidak dijual.
(3 markah)

6. Harga sebuah televisyen ialah RM2550. Lim telah membayar $\frac{9}{10}$ daripada harga televisyen itu.
Hitung harga televisyen yang belum dibayar olehnya. (3 markah)

(/ 14)

SELAMAT MAJU JAYA

Keputusan Ujian

Kumpulan STAD (Pra)		Kefahaman	Komunikasi	Pencapaian
		20	30	50
1	Abang Muhammad Azieum	8	8	16
2	Arif Irfan bin Mohamad Ismail	10	12	22
3	Amanda Laila Criet Bidi	7	10	17
4	Christy Lau	8	12	20
5	Elvinsta Ak Lamit	12	11	23
6	Gariel Ngu Leong Chum	10	14	24
7	Immanuel Ak Ilius	9	10	19
8	Irene Gendong Ak Benson	12	7	19
9	Izzah Nasreen bt Hishamri	10	12	22
10	Jazzier Joane Ak Joe Frazier	12	10	22
11	Johanna Ak Jackson	10	4	24
12	Kelvin Dom Ak Albert Das	2	3	5
13	Alvin Balang	6	6	12
14	Ashron Chan Yii Sheng	4	3	7
15	Augustine Manie Ak Bakit	8	6	14
16	Brandon Lee Jin Chun	14	9	23
17	Chieng Long Fong	7	6	13
18	Christiny Easter Ak Langan	10	9	19
19	Daniel Ak Jumau	7	6	13
20	Diana Beremas Ak Langan	14	12	26
21	Dominic Carlos Ak Dick Jar	5	6	11
22	Erika Jena Hii	11	9	20
23	Esther Lo Chee Ying	10	10	20
24	Eugene Ak Peter	3	4	7
25	Hendry Wong	11	12	23
26	Intan Azura	4	2	6
27	Jocye Lieu Siu Lin	6	6	12
28	Mayvena Mong	13	14	27
29	Meshady Sta Ak Jiman	11	10	21
30	Mimie Shahira bt Mohammad Sepuan	7	5	12
31	Mohammad Rizwan bin Zanzillah	3	5	7
32	Mohd Azmi bin Mohd Azman	9	10	19
33	Mohd. Hishammudin bin Japar	2	0	2
34	Mohd. Hafeez b. Abbe Mutalib	4	6	10
35	Nur Aiman bin Mashaziwandi	7	9	16

Kumpulan Konvensional (Pra)		Kefahaman	Komunikasi	Pencapaian
		20	30	50
1	Daniel Ritchi Anak Thomas	7	11	18
2	Siti Ajar bt Mohamad	12	10	22
3	Susan Anak Senin	10	12	22
4	Awang Shukur bin Pengiran Bakar	10	9	19
5	Marian Anak Andrew Siddle	4	3	7
6	Kumek Anak Nyelipi	9	9	18
7	Masniah binti Kipli	6	7	13
8	Flora Ann Anak Geringo	11	10	21
9	Rahman bin Nait	14	14	28
10	Nicholas Anak Umtam	10	10	20
11	Ling Wei Kin	8	5	13
12	Shara Ak Kelabo	11	12	23
13	Ridzlan Nic bin Muhammad Khairul	10	7	17
14	Peter Laja Ak Donny Dingga	8	10	18
15	Nurul Natasha bt Zulkipli	11	10	21
16	Nurul Farzilla bt Mohammad	7	11	18
17	Nurul Elleyssa Wong bt Mohammad	11	8	19
18	Nursyafiza Amirra bt Bolhan	10	10	20
19	Nurfitrah Arina bt Arshad	3	3	6
20	Nur Izzati bt Kepeli	5	6	11
21	Norazura bt Lau Sie Yong	12	12	24
22	Nazrul bin Ideris	8	6	14
23	Muhammad Syarul Abdullah	5	6	11
24	Muhd Danish	4	3	7
25	Muhammad Nur Khwarizmi bin Mohamad Hamzah	14	12	26
26	Muhammad Irfan Mahathir bin Zaini	12	14	26
27	Muhammad Irfan Haziq bin Roslan	7	6	13
28	Muhammad Atiq Eqbal bin Gani	4	5	9
29	Mohd Atiq bin Osman	8	7	15
30	Mohd Danish Asyrat Seman	13	8	21
31	Mohd Daniel Fiqrin	9	10	19
32	Mohd Azrul Haqem	2	0	2
33	Mohd Ikhwan bin Mohd Noor	5	6	11
34	Lu Mee Cheen	8	2	10
35	Kristen Sheera Ak Edwin	5	6	11

Kumpulan STAD (Pasca)		Kefahaman	Komunikasi	Pencapaian
		20	30	50
1	Abang Muhammad Azieum	14	21	35
2	Arif Irfan bin Mohamad Ismail	15	22	37
3	Amanda Laila Criet Bidi	9	14	23
4	Christy Lau	12	20	32
5	Elvinsta Ak Lamit	17	28	45
6	Gariel Ngu Leong Chum	16	28	44
7	Immanuel Ak Ilius	13	20	33
8	Irene Gendong Ak Benson	16	22	38
9	Izzah Nasreen bt Hishamri	14	22	36
10	Jazzier Joane Ak Joe Frazier	15	24	39
11	Johanna Ak Jackson	16	18	34
12	Kelvin Dom Ak Albert Das	5	12	17
13	Alvin Balang	10	20	30
14	Ashron Chan Yii Sheng	9	15	24
15	Augustine Manie Ak Bakit	15	24	37
16	Brandon Lee Jin Chun	18	26	44
17	Chieng Long Fong	12	18	30
18	Christiny Easter Ak Langan	16	20	36
19	Daniel Ak Jumau	10	17	27
20	Diana Beremas Ak Langan	18	28	46
21	Dominic Carlos Ak Dick Jar	7	17	24
22	Erika Jena Hii	18	28	46
23	Esther Lo Chee Ying	14	22	36
24	Eugene Ak Peter	7	16	23
25	Hendry Wong	14	16	30
26	Intan Azura	7	15	22
27	Jocye Lieu Siu Lin	10	12	22
28	Mayvena Mong	15	21	17
29	Meshady Sta Ak Jiman	15	20	35
30	Mimie Shahira bt Mohammad Sepuan	10	15	25
31	Mohammad Rizwan bin Zanzillah	7	12	19
32	Mohd Azmi bin Mohd Azman	13	20	33
33	Mohd. Hishammudin bin Japar	7	14	21
34	Mohd. Hafeez b. Abbe Mutalib	8	15	23
35	Nur Aiman bin Mashaziwandi	15	20	35

Kumpulan Konvensional (Pasca)		Kefahaman	Komunikasi	Pencapaian
		20	30	50
1	Daniel Ritchi Anak Thomas	9	15	24
2	Siti Ajar bt Mohamad	14	19	33
3	Susan Anak Senin	14	18	32
4	Awang Shukur bin Pengiran Bakar	15	13	28
5	Marian Anak Andrew Siddle	8	9	17
6	Kumek Anak Nyelipi	14	18	32
7	Masniah binti Kipli	10	15	25
8	Flora Ann Anak Geringo	15	18	33
9	Rahman bin Nait	17	24	41
10	Nicholas Anak Umtam	15	18	33
11	Ling Wei Kin	10	11	21
12	Shara Ak Kelabo	14	16	34
13	Ridzlan Nic bin Muhammad Khairul	16	24	40
14	Peter Laja Ak Donny Dingga	13	18	31
15	Nurul Natasha bt Zulkipli	10	22	32
16	Nurul Farzilla bt Mohammad	15	21	36
17	Nurul Elleysa Wong bt Mohammad	17	24	41
18	Nursyafiza Amirra bt Bolhan	14	15	29
19	Nurfitrah Arina bt Arshad	7	10	17
20	Nur Izzati bt Kepeli	10	12	22
21	Norazura bt Lau Sie Yong	17	17	34
22	Nazrul bin Ideris	13	21	34
23	Muhammad Syarul Abdullah	10	16	26
24	Muhd Danish	7	12	19
25	Muhammad Nur Khwarizmi bin Mohamad Hamzah	15	24	39
26	Muhammad Irfan Mahathir bin Zaini	15	23	38
27	Muhammad Irfan Haziq bin Roslan	16	18	34
28	Muhammad Atiq Eqbal bin Gani	7	16	23
29	Mohd Atiq bin Osman	12	19	31
30	Mohd Danish Asyrat Seman	16	26	42
31	Mohd Daniel Fiqrin	12	19	31
32	Mohd Azrul Haqem	6	9	15
33	Mohd Ikhwan bin Mohd Noor	8	15	23
34	Lu Mee Cheen	10	12	22
35	Kristen Sheera Ak Edwin	10	14	24

TEMU BUAL PESERTA 1

Temu Bual **Guru** Terhadap Pembelajaran Koperatif STAD

1. Adakah pembelajaran Koperatif dapat meningkatkan motivasi dan minat murid-murid?

Pembelajaran Koperatif STAD telah mewujudkan suasana pembelajaran yang tidak tertekan. Semua murid berpeluang mengajar murid yang lain bermaksud semua murid berpeluang menjadi guru dalam kelas. Sementara guru hanya menjadi fasilitator sahaja. Haya apabila betul-betul memerlukan, guru barulah turun padang menolong murid menyelesaikan masalah yang tidak dapat diselesaikan oleh ahli dalam kumpulan. Saya tengok murid begitu seronok belajar dalam kumpulan. Pembelajaran ini betul-betul telah menggalakkan kerjasama sesama ahli dalam kumpulan. Suasana perbincangan dalam kumpulan dapat merapatkan hubungan dengan kawan sekelas walaupun dalam kumpulan terdiri daripada bangsa yang berlainan. Saya pasti pembelajaran macam ini dapat meningkatkan minat dan motivasi murid terhadap pembelajaran.

2. Adakah pengajaran guru diperlukan dalam pembelajaran koperatif STAD? Jelaskan.

Ya, memang perlu pengajaran guru diperlukan dalam kelas walau apa sekalipun cara pembelajaran. Seseorang guru yang Berjaya bergantung kepada kepelbagaian pedagogi diaplikasikan dalam pengajaran. Murid-murid sekolah rendah masih memerlukan pimpinan guru dalam pembelajaran. Pengajaran guru adalah memimpin apa yang perlu dipelajari setiap hari. Guru menjadi panduan kepada murid dalam pembelajaran hari ini walau apapun cara pedagogi yang diimplementasikan. Itulah saya rasa, pengajaran guru memang sangat diperlukan dalam proses pembelajaran koperatif STAD.

3. Adakah aktiviti kumpulan dalam pembelajaran Koperatif STAD dapat membantu murid-murid dalam belajar Matematik? Jelaskan.

Ya. Cara pembelajaran seumpama ini memang dapat membantu murid dalam belajar Matematik. Murid berasa seronok dan belajar dalam keadaan tidak tertekan. Selain daripada belajar dengan guru, mereka juga berpeluang dengan murid lain. Kadang-kadang, mereka takut atau tidak berani tanya guru kalau mereka menghadapi masalah pembelajaran. Mereka lebih berani tanya kawan seumur. Mereka rasa tidak takut. Mereka lebih terbuka kalau rasa tidak tahu, mereka akan terus tanya.

4. Adakah pertandingan atau kuiz dalam proses pengajaran dan pembelajaran koperatif STAD dapat memotivasikan murid? Jelaskan.

Ya, memang dapat memotivasikan murid untuk belajar. Murid-murid belajar dalam suasana yang tidak tertekan dan seronok dalam proses PdP. Mereka akan semakin suka menghadiri diri dalam aktiviti yang dilaksanakan oleh diri. Dengan secara langsung mereka juga akan suka dengan mata pelajaran ini. Pertandingan seperti ini dapat menghidupkan suasana pembelajaran dalam kelas dan seterusnya memotivasikan murid untuk belajar.

5. Adakah penghargaan dalam kumpulan memainkan peranan dalam pembelajaran Matematik? Jelaskan.

Ya, ia memang memainkan peranan. Pembelajaran macam ini meningkat minat dan motivasi murid untuk belajar mata pelajaran XXX tidak seberapa, tapi penghargaan ini akan menyebabkan suka belajar. Mereka rasa usaha mereka dihargai dan menggalakkan mereka terus berusaha untuk mendapat penghargaan seterusnya.

6. Adakah dengan aktiviti kumpulan sebegini dapat membuat pelajar lebih rajin belajar?

Ya. Aktiviti kumpulan ini akan menggalakkan murid-murid rajin belajar. Mereka bukan sahaja belajar dari guru tetapi juga dari kawan dalam kumpulan. Lagipun mereka belajar bukan untuk kejayaan diri sendiri malah juga untuk kumpulannya. Dengan ini, sudah memupuk rajin belajar dalam kalangan murid. Jika terhadap murid yang mula malas, ahli dalam kumpulan akan memberi sokongan dan semangat supaya tidak malas. Sikap murid bukan sahaja sentiasa diperhatikan oleh guru malah juga kawan dalam kumpulan.

7. Adakah kesimpulan atau refleksi perlu dalam pembelajaran koperatif STAD? Jelaskan.

Refleksi sangat penting dalam sesuatu proses PdP. Ia menilai setakat mana kejayaan proses pengajaran kita pada hari ini. Ia juga menilai setakat mana pencapaian objektif pembelajaran kita pada hari ini. Dengan ini, guru dapat merancang pengajaran seterusnya berdasarkan refleksi ini, segala kekuatan dan kelemahan boleh diperolehi melalui refleksi yang kita buat.

TEMU BUAL PESERTA 2

Temu Bual **Guru** Terhadap Pembelajaran Koperatif STAD

1. Adakah pembelajaran Koperatif dapat meningkatkan motivasi dan minat murid-murid?

Ya. Pembelajaran macam ini dapat meningkat minat dan motivasi murid. Suasana pembelajaran yang tidak tertekan dan seronok macam ini menyebabkan murid-murid gembira dalam proses pembelajaran. Saya tengok murid-murid kurang aktif sedah mula bertindak aktif dalam kumpulan. Mereka mula berani bercakap dan bukan diam saja. Saya rasa murid-murid sudah suka dan minat untuk belajar Matematik, kelas sudah semakin ceria. Mereka tolong-menolong dalam kumpulan masing-masing. Saya pun gembira tengok situasi macam ini. Saya rasa budak pun semakin suka mata pelajaran ini.

2. Adakah pengajaran guru diperlukan dalam pembelajaran koperatif STAD? Jelaskan.

Tugas guru adalah mengajar murid sehingga pandai. Guru sentiasa mempersembahkan kemahiran pedagogi yang terbaik agar murid di bawah jagaan kami sentiasa dapat menguasai kemahiran yang diajar. Pembelajaran koperatif macam ini dapat menghidupkan suasana dan keadaan yang dapat membantu murid mendalami kemahiran yang perlu dipelajari. Dalam situasi pembelajaran sebegini, guru bertindak sebagai fasilitator dan memberi peluang kepada murid menjadi “guru”. Dalam keadaan ini, telah menggalakkan murid lebih berdikari dalam pembelajaran. Walau bagaimanapun, guru masih bersedia untuk membantu murid menyelesaikan masalah dan sentiasa memberi galakan kepada murid dalam kelas.

3. Adakah aktiviti kumpulan dalam pembelajaran Koperatif STAD dapat membantu murid-murid dalam belajar Matematik? Jelaskan.

Aktiviti kumpulan macam ini menggalakkan murid-murid berbincang dalam kumpulan dan belajar dalam keadaan yang tidak tertekan. Murid-murid belajar dalam keadaan selesa dan memberi semangat antara satu sama lain. Mula-mula, murid-murid ada tanggungjawab tersendiri iaitu perlu mengajar murid-murid yang lain apabila dalam kumpulan. Jadi, dia perlu rajin belajar dengan guru sebelum pergi ke kumpulan. Bila dalam kumpulan, mereka akan saling membantu antara sama lain. Mereka juga saling memberi sokongan antara satu sama lain. Dengan itu, mereka terpaksa belajar melalui bimbingan rakan.

4. Adakah pertandingan atau kuiz dalam proses pengajaran dan pembelajaran koperatif STAD dapat memotivasikan murid? Jelaskan.

Pertandingan atau kuiz memang dapat memotivasikan murid. Proses pembelajaran yang tidak tertekan meyeronokkan mereka belajar dalam proses PdP. Dengan secara tidak langsung, murid-murid termotivasi untuk ingin belajar atau dia ingin kumpulannya mendapat johan dalam pertandingan atau kuiz. Lama-kelamaan mereka sudah biasa perasaan yang ingin berusaha untuk memahami apa yang perlu dipelajari.

5. Adakah penghargaan dalam kumpulan memainkan peranan dalam pembelajaran Matematik? Jelaskan.

Ya. Penghargaan dalam kumpulan sebagai galakan kepada murid-murid agar lebih rajin lagi belajar untuk memperoleh kejayaan pada masa akan datang. Mereka teringin memperoleh penghargaan sebagai ganjaran. Murid-murid rasa megah setelah usaha mereka memperolehi hasil walaupun tak seberapa. Semua orang mahukan penghargaan. Jika ada penghargaan, murid-murid akan lebih rajin belajar kerana ingin mendapat penghargaan.

6. Adakah dengan aktiviti kumpulan sebegini dapat membuat pelajar lebih rajin belajar?

Ya, aktiviti kumpulan macam ini menggalakkan murid rajin belajar. Dia rajin belajar bukan untuk diri sendiri dan juga rajin belajar untuk mengajar orang lain dalam kumpulan nanti. Murid-murid rajin belajar untuk memperolehi kejayaan dalam kumpulan nanti. Jika ahli kumpulan semuanya rajin belajar. Dengan ini, mereka akan memperoleh kejayaan bagi kumpulannya kerana skor individu merupakan penentu bagi kejayaan kumpulannya.

7. Adakah kesimpulan atau refleksi perlu dalam pembelajaran koperatif STAD? Jelaskan.

Ya, kesimpulan telah menyimpulkan pelajaran hari ini. Ini dapat memberitahu kepada murid-murid apa yang telah dipelajari hari ini. Refleksi pula menilai sejauh manakah kejayaan proses PdP yang telah dilaksanakan oleh guru tersebut. Dengan ini, guru boleh memastikan segala kelemahan dan kekuatan yang telah dilaksanakan.

TEMU BUAL PESERTA 3

Temu Bual **Guru** Terhadap Pembelajaran Koperatif STAD

1. Adakah pembelajaran Koperatif dapat meningkatkan motivasi dan minat murid-murid?

Ya, pembelajaran macam ini memang dapat meningkatkan motivasi dan minat murid-murid. Murid-murid sangat seronok belajar dengan cara macam ini. Mereka diberi peluang bercakap dengan ahli kumpulan. Ada yang berperanan sebagai “guru” untuk mengajar yang lain. Begitu seronok saya nampak mereka dalam kelas. Situasi ini akan meningkatkan motivasi dan minat murid untuk belajar. Lama-kelamaan mereka akan minat dengan mata pelajaran jika mereka tidak minat dengan mata pelajaran ini sebelum ini.

2. Adakah pengajaran guru diperlukan dalam pembelajaran koperatif STAD? Jelaskan.

Ya. Pengajaran guru dalam pembelajaran koperatif STAD ialah mendedahkan kepada murid apa yang perlu dipelajari pada hari tersebut. Pengajaran tidak sejelasnya kerana tugas mengajar akan diberi kepada ahli dalam kumpulan. Apabila dalam kumpulan, jika ahli dalam kumpulan masih tidak dapat menyelesaikan masalah padamasa itu, guru akan berperanan untuk menerangkan cara penyelesaiannya.

3. Adakah aktiviti kumpulan dalam pembelajaran Koperatif STAD dapat membantu murid-murid dalam belajar Matematik? Jelaskan.

Aktiviti kumpulan dalam pembelajaran koperatif STAD memang dapat membentuk murid dalam belajar Matematik. Ia menggalakkan murid berinteraksi dengan murid yang lain dalam kelas. Murid-murid dalam kelas lebih aktif dalam kelas. Mereka berpeluang berkomunikasi antara satu sama lain dalam kelas.

4. Adakah pertandingan atau kuiz dalam proses pengajaran dan pembelajaran koperatif STAD dapat memotivasikan murid? Jelaskan.

Pertandingan dan kuiz dapat meningkatkan motivasi murid. Mereka akan lebih rajin belajar untuk mengharapkan mereka akan menang dalam pertandingan atau kuiz. Di samping sendiri belajar, dia juga terpaksa rajin mengajar rakan dalam kumpulan agar kumpulannya menang dalam akhir pertandingan atau kuiz. Ini memang baik dalam pembelajaran Matematik sekolah rendah.

5. Adakah penghargaan dalam kumpulan memainkan peranan dalam pembelajaran Matematik? Jelaskan.

Ya. Penghargaan dalam kumpulan memang penting sebagai galakan kepada murid-murid. Mereka akan berusaha lebih gigih lagi untuk kejayaan pada masa depan. Murid sekolah rendah masih budak. Mereka memang suka dihargai walaupun dengan hadiah yang tidak seberapa. Jadi, penghargaan memang penting dalam kumpulan untuk menggalakkan mereka bekerjasama dalam kumpulan untuk memperoleh kejayaan pada masa akan datang.

6. Adakah dengan aktiviti kumpulan sebegini dapat membuat pelajar lebih rajin belajar?

Ya. Mereka mestu rajin belajar. Mereka rajin belajar bukan saja untuk dirinya sahaja tetapi juga untuk kumpulannya kerana skor yang diperolehi akan disumbangkan kepada kumpulannya supaya kumpulannya mendapat menang dalam pertandingan. Jadi, semua murid digalakkan rajin belajar setiap kemahiran yang disampaikan.

7. Adakah kesimpulan atau refleksi perlu dalam pembelajaran koperatif STAD? Jelaskan.

Ya. Kesimpulan mesti dibuat oleh guru untuk membuat rumusan terhadap apa yang diajar sepanjang proses PdP. Sementara refleksi akan membantu guru mengenal pasti kelemahan dan kekuatan proses PdP yang dilaksanakan. Di samping itu, refleksi juga dapat mengenal pasti setakat mana pencapaian objektif pembelajaran yang telah dilaksanakan.

TEMU BUAL PESERTA 4

Temu Bual **Guru** Terhadap Pembelajaran Kooperatif STAD

1. Adakah pembelajaran Kooperatif dapat meningkatkan motivasi dan minat murid-murid?

Ya. Pembelajaran ini memang dapat meningkatkan motivasi dan minat murid. Suasana pembelajaran yang “free” menggalakkan murid berasa tidak tertekan. Murid-murid seronok belajar. Bila murid seronok belajar, mereka akan semakin minat dalam mata pelajaran. Bila mereka sudah suka, mereka suka menghadiri kelas Matematik. Dengan ini, secara langsung telah meningkatkan motivasi murid untuk belajar.

2. Adakah pengajaran guru diperlukan dalam pembelajaran kooperatif STAD? Jelaskan.

Ya. Pengajaran guru memang masih diperlukan dalam pembelajaran kooperatif STAD. Tugas guru ialah mengajar atau membimbing murid dalam kelas. Walaupun kita menggalakkan murid berdikari dalam pembelajaran, guru juga memberi panduan dan memberi garis panduan dan huraian kepada mereka tentang apa yang perlu dipelajari.

3. Adakah aktiviti kumpulan dalam pembelajaran Kooperatif STAD dapat membantu murid-murid dalam belajar Matematik? Jelaskan.

Ya, mereka memberi pertolongan dan sokongan antara satu sama lain. Ahli dalam kumpulan saling ajar agar kumpulan mereka menjadi johan. Dengan ini, secara tidak langsung, sikap rajin belajar Matematik telah dipupuk sejak mereka sekolah rendah.

4. Adakah pertandingan atau kuiz dalam proses pengajaran dan pembelajaran kooperatif STAD dapat memotivasikan murid? Jelaskan.

Ya. Pertandingan atau kuiz menggalakkan murid semakin rajin belajar. Ia dapat memotivasikan murid untuk terus belajar kerana teringin untuk mendapat galakan atau hadiah.

5. Adakah penghargaan dalam kumpulan memainkan peranan dalam pembelajaran Matematik? Jelaskan.

Penghargaan sedemikian memberi ganjaran kepada murid. Murid sekolah rendah masih lagi sangat memerlukan penghargaan seperti kata pujian atau hadiah diberikan kepada mereka. Mereka akan sangat menghargai apa yang diberikan. Mereka akan terasa usaha mereka dihargai. Dengan ini akan meningkatkan semangat mereka untuk terus belajar dan semangat untuk meningkatkan diri semakin meningkat. Dengan ini, suasana

pembelajaran menjadi lebih menarik dan ceria kerana semua kumpulan mahu menang. Semangat kerjasama dan usaha bersama untuk mendapat penghargaan telah diwujudkan dalam kelas.

6. Adakah dengan aktiviti kumpulan sebegini dapat membuat pelajar lebih rajin belajar?

Ya, galakan dari ahli dalam kumpulan menggalakkan mereka rajin belajar. Aktiviti kumpulan menggalakkan murid-murid lebih rajin belajar kerana mereka ingin memperolehi kejayaan bagi kumpulan tersebut.

7. Adakah kesimpulan atau refleksi perlu dalam pembelajaran koperatif STAD? Jelaskan.

Ya, kesimpulan memang perlu untuk merumuskan bahawa apa yang murid dipelajari pada hari ini. Manakala, refleksi adalah diperlukan untuk mengenal pasti apa yang diajar sudah dicapai oleh murid atau tindakan susulan diperlukan selepas proses PdP.



UUM
Universiti Utara Malaysia

TEMU BUAL PESERTA 5

Temu Bual **Guru** Terhadap Pembelajaran Koperatif STAD

1. Adakah pembelajaran Koperatif dapat meningkatkan motivasi dan minat murid-murid?

Ya, pembelajaran koperatif memang dapat meningkatkan motivasi dan minat murid. Murid seronok belajar dalam keadaan macam ini. Mereka sangat gembira. Mereka tolong-menolong antara satu sama lain. Saya terasa mereka sangat berminat untuk belajar. Saya tengok mereka berinteraksi dan berkomunikasi dalam kumpulan dengan aktif. Sampai murid-murid yang kurang pandai pun mahu belajar. Mereka mendengar kawan mengajar dengan betul-betul. Seronok juga saya tengok.

2. Adakah pengajaran guru diperlukan dalam pembelajaran koperatif STAD? Jelaskan.

Ya, pengajaran memang perlu walaupun ringkas saja. Guru akan mendedahkan apa yang perlu dipelajari dan apakah objektif pembelajaran pada hari ini. Guru mengajar dahulu sebelum aktiviti kumpulan. Ini bermaksud ada sebahagian murid telah faham kemahiran ini. Selepas itu, murid-murid ini berkemampuan mengajar murid lain dalam kumpulan nanti. Dengan itu, pengajaran guru masih perlu dalam pembelajaran koperatif STAD.

3. Adakah aktiviti kumpulan dalam pembelajaran Koperatif STAD dapat membantu murid-murid dalam belajar Matematik? Jelaskan.

Murid telah diberi peluang berinteraksi dalam kumpulan masing-masing dalam pembelajaran ini. Mereka yang lebih pandai bersedia mengajar rakan yang lemah dalam kumpulan. Mereka telah tahu siapa dalam kumpulan mungkin tidak dapat menguasai kemahiran yang diajar. Mereka memang bersedia menolong rakan mereka dalam kumpulan. Guru kurang mampu dapat mengetahui setakat mana pencapaian setiap murid dalam kelas. Jadi, pembelajaran sebegini murid sudah dikenal pasti pencapaian mereka dan dibantu oleh murid untuk membuat tindakan selanjutnya. Selain itu, murid dengan murid akan menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh murid semasa menerangkan suatu konsep kepada rakannya.

4. Adakah pertandingan atau kuiz dalam proses pengajaran dan pembelajaran koperatif STAD dapat memotivasikan murid? Jelaskan.

Ya, murid suka dengan pertandingan atau kuiz dijalankan mungkin kerana mereka ingin mendapat hadiah. Tetapi secara tidak langsung telah memotivasikan murid untuk belajar.

Murid-murid mesti rajin belajar baru dapat menjawab soalan dalam kuiz. Murid mesti rajin belajar demi untuk diri dan juga untuk kumpulannya kerana dia dapat mengajar ahli dalam kumpulan.

5. Adakah penghargaan dalam kumpulan memainkan peranan dalam pembelajaran Matematik? Jelaskan.

Ya, penghargaan sangat penting dalam pembelajaran Matematik. Ia menggalakkan murid rajin belajar. Mereka ingin belajar untuk mendapatkan penghargaan.

6. Adakah dengan aktiviti kumpulan sebegini dapat membuat pelajar lebih rajin belajar?

Aktiviti kumpulan ini telah menggalakkan murid untuk belajar untuk diri sendiri dan juga untuk kumpulannya kerana dalam aktiviti kumpulan ini murid perlu rajin belajar dan rajin mengajar rakan dalam kumpulannya supaya skor yang diperoleh dapat disumbangkan kepada kumpulan dan kumpulan dapat mendapat kemenangan pada akhirnya.

7. Adakah kesimpulan atau refleksi perlu dalam pembelajaran koperatif STAD? Jelaskan.

Ya, kesimpulan menggalakkan guru menyimpulkan pelajaran pada hari tersebut. Ia menggalakkan murid mengingat kembali apa yang dipelajari pada hari ini. Selain itu, refleksi adalah mereflek apa yang telah dilaksanakan dalam proses PdP tadi. Apakah kekuatan atau kelemahan yang telah dilaksanakan dan tindakan susulan yang akan dilakukan terhadap pelajar yang tidak dapat menguasai kemahiran yang diajar.

TEMU BUAL PESERTA 1

Temu Bual **Muird** Terhadap Pembelajaran Koperatif STAD

1. Apakah perasaan anda belajar dalam kumpulan?

Saya berasa sangat seronok belajar dalam kumpulan macam ini. Saya sangat suka jika cikgu dapat membenarkan kami belajar macam ini. Apa yang saya tidak pandai, kawan dapat ajar saya. Saya akan faham apa kawan saya ajar. Kalau saya tidak faham lagi, nanti kawan saya dalam kumpulan saya akan ajar lagi.

2. Apakah yang awak lakukan semasa pengajaran guru dalam kelas?

Saya memang tumpu perhatian semasa cikgu mengajar. Kalau tidak, mamti cikgu marah saya. Lagipun, cikgu saya tidak mahu ulang apa yang telah diajar. Saya tidak pandai dalam Matematik. Kalau saya tidak dengar cikgu ajar, lagi tidak pandailah saya nanti.

3. Apakah perasaan awak dengan cara pembelajaran Matematik secara berbincang dengan rakan dalam kumpulan?

Saya suka cara pembelajaran berbincang dalam kumpulan. Dalam kumpulan ada kawan saya pandai. Dia akan ajar saya kalau saya tidak faham. Dia juga ajar saya berulang-ulang kali kalau saya masih tidak faham. Saya suka belajar berbincang macam ini kerana saya lebih suka bertanya pada kawan dalam kumpulan saya. Walaupun saya tidak berapa pandai, mereka semua baik pada saya.

4. Apakah yang awak lakukan semasa rakan anda mengajar anda dalam kumpulan?

Saya memang beri perhatian masa kawan saya ajar saya. Kawan saya ajar saya "slow". Dia tahu saya tidak pandai. Dia memang sangat bersabar dia ajar saya. Kadang-kadang, saya pula yang rasa malu tapi kawan saya sentiasa memberi sokongan dan semangat kepada saya. Mereka sangat baik dengan saya.

5. Apakah perasaan anda belajar Matematik dengan melaksanakan lembaran kerja?

Saya rasa lebih senang lagi dengan membuat lembaran kerja setelah cikgu mengajar topik ini. Saya akan lebih faham dan lebih ingat apa telah dipelajari. Saya pelupalah, tidak dapat ingat, kalau tidak "kop in" betul-betul. Kalau saya tidak dapat buat, saya akan minta kawan saya ajar saya. Jadi, saya akan lebih faham dan ingat lebih lama terhadap apa yang dipelajari.

6. Apakah yang awak lakukan apabila anda tidak tahu atau tidak faham apa yang diajar oleh guru atau rakan anda?


Saya dan rakan saya dalam kumpulan kami akan menanya guru jika kami mengalami tidaka da satu orang pun pandai menyelesaikan masalah yang diberikan. Cikgu kami baik. Beliau akan terang sampai kami faham. Jika ada kawan masih tidak faham, kami yang faham akan mengajar yang lain yang tidak faham. Jadi, harap-harap akhirnya semua akan faham dan kami dapat menang dalam kuiz nanti yang dijalankan kemudian.

7. Apakah yang awak lakukan semasa aktiviti dalam kumpulan?

Saya mengaku kadang-kadang saya memang melakukan kerja-kerja yang tidak betul semasa dalam kumpulan. Contohnya bercakap dengan kawan dan bermain. Tapi kawan saya akan tegur saya dan mereka akan marah kalau saya terus begitu.

8. Jika diberikan peluang memilih, anda lebih suka belajar dengan cara koperatif atau konvensional?

Saya lebih suka belajar dengan cara koperatif kerana tidak boringlah dengan cara macam ini.



TEMU BUAL PESERTA 2

Temu Bual **Muird** Terhadap Pembelajaran Koperatif STAD

1. Apakah perasaan anda belajar dalam kumpulan?

Saya berasa sangat suka dan rasa seronok belajar macam ini. Saya rasa tidak “tension”. Antara kawan dalam kumpulan bolehlah berbincang menyelesaikan masalah dan saya rasa saya lebih faham belajar dengan kawan. Lagipun kalau betul dan tidak faham saya boleh minta cikgu ajar kami.

2. Apakah yang awak lakukan semasa pengajaran guru dalam kelas?

Saya memberi sepenuh perhatian semasa cikgu mengajar kerana saya takut nanti saya tidak faham dan tidak dapat tolong ajar kawan saya yang lain. Cikgu saya ini baik dan dia pandai mengajar. Walaupun dia mengajar sekejap, saya boleh faham apa yang diajar. Saya suka dengar.

3. Apakah perasaan awak dengan cara pembelajaran Matematik secara berbincang dengan rakan dalam kumpulan?

Saya sangat berminat dengan cara berbincang macam ini melalui perbincangan, kami dapat faham melalui selangkah demi selangkah. Kalau ada langkah penyelesaian yang kami kurang faham, saya akan “stopkan” kawan saya biar dijelaskan sekali lagi sehingga saya faham. Kawan saya memang penyabar. Lagipun dia boleh jelaskan dengan bahasa yang saya faham. Pula saya takut Matematik, sekarang saya rasa, saya mulai suka mata pelajaran ini.

4. Apakah yang awak lakukan semasa rakan anda mengajar anda dalam kumpulan?

Saya memang beri perhatian sebab saya takut saya tidak faham kerana saya mahu pandai. Bila saya pandai, saya boleh skor high mark dan saya mahu kumpulan saya dapat johan dalam kuiz.

5. Apakah perasaan awak belajar Matematik dengan melaksanakan lembaran kerja?

Dengan membuat lembaran kerja, saya menjadi lebih faham dan ingat lebih lama apa yang dipelajari. Saya rasa lembaran kerja merupakan pengukuhan dalam suatu pelajaran. Memang baik. Tapi jangan banyak sangat sebab tidak ada masa buat nanti sebab kami juga perlu belajar mata pelajaran lain.

6. Apakah yang awak lakukan apabila anda tidak tahu atau tidak faham apa yang diajar oleh guru atau rakan anda?

Saya memang tanya cikgu. Cuma cikgu saya saja kami paling yakin. Ada apa-apa yang kami tak dapat faham atau jawab, kami akan terus tanya cikgu.

7. Apakah yang awak lakukan semasa semasa aktiviti dalam kumpulan?

Saya memang ambil bahagian dengan sepenuhnya dalam perbincangan dalam kumpulan. Kerana dengan ini saya akan menjadi lebih pandai. Kawan saya dalam kumpulan pun tidak pandang rendah terhadap saya yang tidak pandai. Mereka sudi tolong saya. Saya sangat gembira.

8. Jika diberikan peluang memilih, anda lebih suka belajar dengan cara koperatif atau konvensional?

Saya memang memilih cara koperatif kerana saya rasa sangat “relax” dengan belajar macam ini.



UUM
Universiti Utara Malaysia

TEMU BUAL PESERTA 3

Temu Bual **Muird** Terhadap Pembelajaran Koperatif STAD

1. Apakah perasaan anda belajar dalam kumpulan?

Saya suka belajar dalam kumpulan. Saya berasa seronok betul dapat belajar dalam kumpulan macam ini. Saya mempunyai peluang untuk ajar orang lain. Baik saya jadi “guru” dalam kumpulan saya, saya rasa sungguh yakin dengan diri saya. Kawan-kawan pun suka saya ajar mereka.

2. Apakah yang awak lakukan semasa pengajaran guru dalam kelas?

Sudah tentu kerana saya mahu ajar ahli kumpulan saya dalam kumpulan. Mereka sudah tunggu saya ajar setiap kali. Bila cikgu mengajar, saya belajar dengan betul-betul apa yang cikgu ajar. Satu langkah pun saya tidak ketinggalan. Dengan ini, saya akan faham sepenuhnya apa yang cikgu ajar.

3. Apakah perasaan awak dengan cara pembelajaran Matematik secara berbincang dengan rakan dalam kumpulan?

Saya sangat suka belajar Matematik dengan cara macam ini kerana apa yang saya tidak tahu saya berani tanya kawan saya. Kawan saya sudi ajar saya yang tidak pandai ini. Saya tidak tahu saya tidak berani tanya cikgu kerana cikgu sibuk saja. Kalau belajar dalam kumpulan macam ini pun saya tidak malu tanya kawan saya. Kalau saya tahu dan pandai, saya juga kawan saya dalam kumpulan saya kerana saya harap semua orang dalam kumpulan saya pandai.

4. Apakah yang awak lakukan semasa rakan anda mengajar anda dalam kumpulan?

Saya memang beri perhatian semasa kawan saya ajar saya dalam kumpulan. Tapi, biasanya saya yang ajar mereka dan saya juga memastikan rakan saya beri perhatian semasa saya ajar dia. Saya harap semua orang dalam kumpulan faham.

5. Apakah perasaan awak belajar Matematik dengan melaksanakan lembaran kerja?

Dengan membuat lembaran kerja. Saya lebih faham dan ingat lebih lama apa yang dipelajari. Kalau tidak, cepat akan lupa apa yang dipelajari kerana dalam setahun kita perlu belajar banyak topik.

6. Apakah yang awak lakukan apabila anda tidak tahu atau tidak faham apa yang diajar oleh guru atau rakan anda?

Saya memang akan tanya cikgu kerana cikgulah yang tahu segala-galanya. Saya suka tanya. Kalau tidak tanya, saya tidak akan tahu selama-lamanya. Cikgu saya baik, setiap kali saya tanya, diapun akan terangkan sampai saya faham.

7. Apakah yang awak lakukan semasa aktiviti dalam kumpulan?

Saya tumpukan sepenuh perhatian semasa dalam kumpulan kerana saya mahu ahli kumpulan saya faham dan kami mahu menang dalam pertandingan nanti. Semua ahli dalam kumpulan saya mahu belajar. Kami sangat rajin. Biasanya saya akan ajar mereka. Mereka pun suka saya kerana saya tidak marah kalau mereka tidak faham kalau saya sudah ajar banyak kali. Saya akan terus mengajar mereka kalau mereka tidak pandai.

8. Jika diberikan peluang memilih, anda lebih suka belajar dengan cara koperatif atau konvensional?

Saya memang pilih belajar dengan koperatif kerana saya rasa sangat seronj belajar dengan cara macam ini.



UUM
Universiti Utara Malaysia

TEMU BUAL PESERTA 4

Temu Bual **Muird** Terhadap Pembelajaran Koperatif STAD

1. Apakah perasaan anda belajar dalam kumpulan?
Saya berasa sungguh seronok belajar dalam kumpulan. Saya tidak berapa pandai. Kawan saya dalam kumpulan sudi ajar saya. Saya rasa seronok belajar. Tidak tension belajar macam ini.
2. Apakah yang awak lakukan semasa pengajaran guru dalam kelas?
Apabila cikgu mengajar saya menumpu perhatian mendengar apa yang cikgu ajar. Kalau saya tidak beri perhatian, cikgu juga terus tegur saya.
3. Apakah perasaan awak dengan cara pembelajaran Matematik secara berbincang dengan rakan dalam kumpulan?
Saya memang berminat dan suka belajar macam ini. Kawan saya yang pandai Gabriel Ngu mengajar kami yang tidak berapa pandai. Dia akan ajar saya sampai pandai kami berbincang dalam kumpulan apabila cikgu
4. Apakah yang awak lakukan semasa rakan anda mengajar anda dalam kumpulan?
Saya dengar dengan berhati-hati semasa kawan saya ajar saya atau saya faham apa dia ajar. Lagipun cikgu juga kata apa saya ajar adalah betul. Kalau saya tidak faham apa yang dipelajari, kawan saya akan ajar banyak kali sampai saya faham. Suasana belajar yang tidak tertekan menyenangkan saya belajar. Kami sama-sama tolong-menolong antara satu sama lain, siapa yang pandai akan ajar siapa yang tidak pandai dan siapa yang faham akan ajar siapa yang tidak faham dalam kumpulan. Sungguh seronok belajar macam ini.
5. Apakah perasaan anda belajar Matematik dengan melaksanakan lembaran kerja?
Dengan membuat lembaran kerja, apa yang dipelajari memudahkan saya lebih faham dan lebih ingat apa yang dipelajari. Kalau tidak, nanti senang saya lupa dengan apa yang saya belajar.
6. Apakah yang awak lakukan apabila anda tidak tahu atau tidak faham apa yang diajar oleh guru atau rakan anda?
Memang saya akan tanya guru. Guru Matematik saya baik. Apabila saya tanya, dia akan terangkan samapai saya faham. Kalau semasa dalam kumpulan, saya akan tanya kawan

saya dulu, kalau kawan pun tidak faham, saya akan tanya guru dan guru akan ajar kami bersama-sama dalam kumpulan.

7. Apakah yang awak lakukan semasa aktiviti dalam kumpulan?

Kami bekerjasama dalam kumpulan ini dan berbincang tentang apa yang dipelajari. Kami tidak berani buat hal lain kerana takut masa tidak mencukupi melaksanakan tugas kami. Lagipun masa tidak banyak diberikan kepada kami membuat aktiviti dalam kumpulan. Kami menghargai setiap masa kerana kami mahu menang nanti dalam kuiz dalam kelas. Saya harap semua ahli dalam kumpulan kami pandai.

8. Jika diberikan peluang memilih, anda lebih suka belajar dengan cara koperatif atau konvensional?

Saya memang akan memilih cara koperatif macam ini. Saya tidak boringlah dengan cara belajar macam ini.



UUM
Universiti Utara Malaysia

TEMU BUAL PESERTA 5

Temu Bual **Muird** Terhadap Pembelajaran Koperatif STAD

1. Apakah perasaan anda belajar dalam kumpulan?
Saya berasa sangat seronok belajar dalam kumpulan. Saya berasa tidak tertekan belajar macam ini. Kawan saya sangat sudi mengajar saya walaupun saya tidak berapa pandai. Saya memang sangat suka.
2. Apakah yang awak lakukan semasa pengajaran guru dalam kelas?
Saya mendengar dengan sepenuh perhatian apabila cikgu. Saya tidak pandai Matematik. Saya mesti mendengar dengan betul-betul supaya tidak ketinggalan dalam pengajaran.
3. Apakah perasaan awak dengan cara pembelajaran Matematik secara berbincang dengan rakan dalam kumpulan?
Saya sangat suka dengan cara ini, persahabatan saya dengan kawan saya semakin baik. Dulu kawan saya sangat sombong dan tidak mahu baik dengan prang baik. Sekarang dia telah jadi baik. Kalau ada yang tidak faham, dia akan ajar saya sampai saya faham. Saya dan kawan saya suka tolong-menolong dalam kumpulan.
4. Apakah yang awak lakukan semasa rakan anda mengajar anda dalam kumpulan?
Oleh kerana saya tidak pandai, keputusan saya sederhana saja. Saya mesti dengar dan memberi perhatian dengan sepenuhnya semasa rakan saya ajar saya. Saya berani minta kawan saya supaya bercakap perlahan-lahan, saya dapat ikut apa yang kawan saya cakap. Jadi, akhirnya saya akan memahami betul-betul apa yang dipelajari pada hari ini. Cuma ia lebih memakan masa sikit.
5. Apakah perasaan awak belajar Matematik dengan melaksanakan lembaran kerja?
Membuat lembaran kerja dapat membantu saya lebih memahami apa yang dipelajari hari ini. Jika saya menemui masalah untuk menyelesaikannya, kawan saya akan mengajar saya membuatnya. Dengan ini, saya memang akan faham apa yang diajar oleh guru pada hari ini. Jika semua orang dalam kumpulan kami tidak dapat menjawab soalan itu, kami akan bertanya guru.
6. Apakah yang awak lakukan apabila anda tidak tahu atau tidak faham apa yang diajar oleh guru atau rakan anda?

Saya akan tanya cikgu kalau saya tidak faham apa yang diajar oleh guru. Dalam kumpulan, saya akan menanya kawan saya dulu. Kalau kawan saya tidak dapat mengajar saya, saya akan tanya cikgu. Cikgu saya akan menjelaskan kepada saya dan semua ahli dalam kumpulan saya.

7. Apakah yang awak lakukan semasa aktiviti dalam kumpulan?

Saya belajar dengan kawan saya. Saya sangat rajin belajar. Kalau saya main, kawan saya pun akan marah dan tegur saya. Kami bersama-sama belajar dengan rajin. Kami tidak main atau buat kerja lain.

8. Jika diberikan peluang memilih, anda lebih suka belajar dengan cara koperatif atau konvensional?

Saya sangat suka belajar dengan cara koperatif ini. Memang tidak rasa bosan dan menarik sekali. Cara belajar macam ini membuatkan kami aktif dalam pembelajaran. Kami tidak macam orang bodoh mendengar saja apa yang diajar oleh guru. Kami juga berpeluang mengajar orang lain. Ya, saya rasa saya hebatlah macam cikgu dalam kelas. Suasana dalam kelas sungguh baik dan harmoni. Cikgu pun sangat gembira. Kami Nampak cikgu gembira, kami pun gembira. Yang paling seronok apabila kuiz dijalankan. Kami betul-betul serius dan dalam masa yang sama kami megarapkan kawan kami pun dapat buat. Akhirnya, kami menanglah, sungguh hebat.